



**IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA NEGERI PERAK
BANDAR BARU MERU RAYA 30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Telefon: 05-5297444
Faksimili: 05-5265309 -Bhg. Keselamatan
Kebakaran
Homepage : www.bomba.gov.my
E-Mail : bkk_prk@bomba.gov.my
Kecemasan : 999



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/PK/BKK:700-1/1/1 (18)

Tarikh : 01 Disember 2023

Semua Ketua Zon, JBPM Negeri Perak

Tuan,

**ARAHAN PELAKSANAAN PESANAN INTEGRITI DI BAHAGIAN KESELAMATAN
KEBAKARAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat dari Ibu Pejabat no.rujukan JBPM/IP/UIN:100-14/7/1 Jilid 3 (27) bertarikh 24 November 2023 dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah diminta untuk memastikan pelaksanaan **Pesanan Integriti** ini bermula **14 Disember 2023** yang melibatkan beberapa proses kerja yang dikenalpasti berpotensi / risiko rasuah seperti yang berikut :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelan (JKTP).
2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK).
3. Pemeriksaan Pepasangan Keselamatan Kebakaran melibatkan CCC, MBK, FC, dan Pelesenan.

3. Bersama-sama ini disertakan salinan **Borang Pesanan Integriti** dan **Tatacara Pelaksanaan Pesanan Integriti** dari Ibu Pejabat untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Kerjasama dan komitmen pihak tuan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PgKB II MOHD ESMAD BIN MOHD SAUFI)

b.p Penolong Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perak.

- s.k i) YS Pengarah, JBPM Negeri Perak
ii) Timbalan Pengarah, JBPM Negeri Perak

nd *Fai*

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216



PEMENANG ANUGERAH
EMAS AIGA 2022



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA





Telefon: 603-88927758
Faks: 603-8888 8829
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: integriti@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/UIN: 100-14/7/1 Jilid 3 (27)
Tarikh : 24 November 2023

SENARAI EDARAN

YS Dato'/YS Tuan/Tuan,





ARAHAN PELAKSANAAN PESANAN INTEGRITI DI BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

- Memaklumkan bahawa pada tahun ini Jabatan telah membuat semakan dan pindaan ke atas dokumen CRM dan OACP JBPM. Hasil daripada semakan tersebut, potensi/risiko rasuah telah dipinda bersesuaian dengan struktur semasa Jabatan.
- Beberapa langkah kawalan yang baru telah didaftarkan di dalam CRM dan OACP Jabatan sebagai inisiatif untuk menyekat dan menghalang potensi/risiko rasuah Jabatan.
- Antara langkah kawalan yang diwujudkan adalah pelaksanaan Pesanan Integriti melibatkan beberapa proses kerja yang telah dikenalpasti oleh BKK yang mempunyai potensi/risiko rasuah iaitu Mesyuarat Jawatankuasa

..12

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216

PEMENANG ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK), Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran melibatkan Penghapusan Bahaya Kebakaran dan Pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan.

5. Sehubungan dengan itu, YS Dato'/YS Tuan/Tuan adalah diminta untuk memastikan pelaksanaan Pesanan Integriti ini bermula **14 Disember 2023**. Bersama-sama ini disertakan salinan **Borang Pesanan Integriti dan Tatacara Pelaksanaan Pesanan Integriti** untuk tindakan YS Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

6. Kerjasama dan komitmen YS Dato'/YS Tuan/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan boleh berhubung kepada PgKB II Mazila bt Abdull Mutalib melalui emel mazila@bomba.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(**SYED AZMAN BIN SYED GHAZALI**)
Ketua Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k:

- i. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
3. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
4. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
5. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
6. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
7. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
8. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
10. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
11. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
12. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
14. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
15. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
16. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
17. YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan

**TATACARA PELAKSANAAN PESANAN INTEGRITI DI BAHAGIAN
KESELAMATAN KEBAKARAN**

**[Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan dan Mesyuarat Teknikal
Keselamatan Kebakaran (JKTKK)]**

1. Pesanan Integriti hendaklah disampaikan oleh urusetia sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan / Mesyuarat Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK) dijalankan.
2. Semua ahli mesyuarat yang terlibat hendaklah menandatangani Borang Pesanan Integriti yang mana mereka jelas dan memahami Pesanan Integriti yang telah disampaikan oleh urusetia.
3. Sekiranya mana-mana ahli mesyuarat mempunyai kepentingan hendaklah tidak terlibat dengan mesyuarat ini.
4. Urusetia hendaklah mencatatkan di dalam minit mesyuarat.
5. Borang Pesanan Integriti hendaklah difailkan.
6. BKK JBPM Negeri hendaklah menghantar pelaporan pelaksanaan kepada BKK JBPM Ibu Pejabat, dan BKK JBPM Ibu Pejabat perlu menghantar analisa pelaporan kepada Unit Integriti secara sukuan tahunan (10 haribulan bulan ke empat)

**TATACARA PELAKSANAAN PESANAN INTEGRITI DI BAHAGIAN
KESELAMATAN KEBAKARAN
[Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran]**

1. Pesanan Integriti hendaklah disampaikan oleh urusetia sebelum Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran dijalankan.
2. Semua pegawai JBPM / PSP/ kontraktor / wakil premis yang terlibat hendaklah menandatangani Borang Pesanan Integriti yang mana mereka jelas dan memahami Pesanan Integriti yang telah disampaikan oleh urusetia.
3. Sekiranya mana-mana pegawai JBPM / PSP/ kontraktor / wakil premis yang mempunyai kepentingan hendaklah tidak terlibat dengan pemeriksaan keselamatan kebakaran ini.
4. Borang Pesanan Integriti hendaklah difailkan.
5. BKK JBPM Negeri hendaklah menghantar pelaporan pelaksanaan kepada BKK JBPM Ibu Pejabat, dan BKK JBPM Ibu Pejabat perlu menghantar analisa pelaporan kepada Unit Integriti secara sukuan tahunan (10 haribulan bulan ke empat)



BORANG PESANAN INTEGRITI

MESYUARAT JAWATANKUASA BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

BIL. TAHUN

☐ Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan

☐ Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK)

Nota:

Tandakan (/) pada ruangan di atas yang berkaitan.

Tarikh:

Masa:

Tempat:

Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera

YAS Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan ahli mesyuarat adalah diingatkan
tentang perkara-perkara berikut:

1. YAS Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah dilantik oleh YAS Ketua Pengarah/ Pengarah sebagai Pengerusi, Ahli, Setiausaha dan Urusetia dalam Jawatankuasa kelulusan teknikal/ Jawatankuasa Kajian Semula Pepasangan Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) hendaklah memahami dan mematuhi segala peraturan / arahan Keselamatan Kebakaran berkaitan yang berkuatkuasa.
2. Sehubungan dengan itu, dipohon memberi perhatian kepada semua peruntukan di bawah Peraturan 4(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan dibaca bersama Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 tentang pecanggahan kepentingan.
3. Bertanggungjawab dan komited melapor apa sahaja segala bentuk / unsur / potensi penyelewengan dan salah laku yang berlaku sepanjang urusan Jawatankuasa kelulusan teknikal/ Jawatankuasa Kajian Semula Pepasangan Keselamatan Kebakaran yang dilantik serta sedar akan

implikasi kegagalan melapor yang mana boleh dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan yang sewajarnya.

4. Semoga dengan peringatan dan perisytiharan ini, semua pegawai yang dilantik dan dipertanggungjawab akan terhindar daripada segala bentuk salahlaku, penyelewangan, salahguna kuasa, rasuah dan tohmahan liar demi memartabatkan amalan integriti dan akauntabiliti sepanjang melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Dengan ini kami mengisytiharkan bahawa Pesanan Integriti telah disampaikan oleh Urusetia Mesyuarat adalah jelas dan difahami.

Senarai Nama Jawatankuasa

Bil.	Nama	Jawatan	Tandatangan
1.		Pengerusi	
2.		Tim. Pengerusi	
3.		Setiausaha/Urusetia	
4.		Ahli	
5.		Ahli	
6.			
7.			
8.			



**BORANG PESANAN INTEGRITI BAGI PEGAWAI JABATAN/PEGAWAI
PEMERIKSA/PSP/SP/PEMILIK BANGUNAN/PENGHUNI
BANGUNAN/PELANGGAN JABATAN**

Tarikh:

Masa:

Tempat:

Yang Dihormati Dato'/Tuan/Puan yang terlibat secara langsung dengan
Pemeriksaan Pepasangan Keselamatan Kebakaran ini adalah diingatkan
tentang perkara berikut:

1. Dato'/Tuan/Puan yang akan terlibat dalam Pemeriksaan Pepasangan Keselamatan Kebakaran ini hendaklah memahami dan mematuhi segala peraturan/arahan berkaitan yang berkuatkuasa.
2. Dengan ini juga semua yang terlibat adalah diwajibkan dan perlu mengisytiharkan dan memahami **seksyen 16 dan seksyen 17 di bawah akta SPRM 694:2009** iaitu tidak akan meminta/terima rasuah juga tidak akan memberi dan menerima suapan kepada atau daripada mana-mana individu yang berkaitan sebagai sogokan bagi memudahkan urusan di atas.
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu atau mana-mana pihak yang berkepentingan cuba meminta atau memberi rasuah sebagai sogokan, maka diingatkan dan perlu berjanji untuk segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), atau mana-mana saluran berkaitan.
4. Dengan ini diisytiharkan bahawa Pesanan Integriti telah disampaikan oleh Urusetia Pemeriksaan Pepasangan Keselamatan Kebakaran dan ianya adalah jelas dan difahami.

Senarai Nama Yang Terlibat/Hadir Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran

Bil.	Nama	Jawatan	Organisasi/ syarikat	Tandatangan
1.				
2.				

[illegible]